



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

LAPORAN TAHUNAN 2019





SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR
LAPORAN TAHUNAN 2019

LAPORAN TAHUNAN

2019

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI SELANGOR

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGURUSI

RINGKASAN EKSEKUTIF

PENGENALAN

KEANGGOTAAN SURUHANJAYA

PERKHIDMATAN

KHIDMAT PENGURUSAN

KEWANGAN

AKTIVITI TAHUN 2019

PENCAPAIAN & PENGIFTIRAFAN

PENGHARGAAN

08

12

16

22

36

50

54

62

82

86





PERUTUSAN
PENGERUSI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan Izin-Nya, Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN) 2019 dapat diterbitkan. Pertama sekali saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga SPN yang telah menunjukkan kesungguhan dan kerjasama untuk merealisasikan penerbitan ini. Ia merupakan usaha SPN untuk berkongsi maklumat, prestasi dan pencapaian sepanjang tahun 2019.

Umum mengetahui bahawa SPN merupakan sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap, menaikkan pangkat dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota perkhidmatan awam Negeri di bawah kuasanya mengikut peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Bab 10 Fasal XCII (9)

Lanjutan itu, SPN dilihat sentiasa bergerak ke hadapan demi mencapai matlamat yang telah digariskan di bawah teras strategik utama SPN iaitu :

- 1) Memperkasa urusan pelantikan penjawat awam,
- 2) Memantapkan kaedah penilaian bagi mendapatkan calon yang kompeten, dan
- 3) Memperkasakan integriti penjawat awam melalui pengurusan tatatertib yang berkesan.

Selaku Pengerusi Suruhanjaya, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, Ahli-Ahli Lembaga Suruhanjaya dan pelbagai pihak yang terlibat di atas kerjasama yang diberikan sepanjang tahun 2019. Diharapkan laporan tahunan ini dapat menjadi sumber rujukan dan maklumat bermanfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.



Y. A.D. Dato' Haji Emran Bin Haji Kadir

D.S.S.A., S.S.A., A.M.N.
Pengerusi





RINGKASAN EKSEKUTIF

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Pertamanya, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN) 2019 dapat disiapkan. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga SPN yang telah menunjukkan kesungguhan dan kerjasama yang baik dalam merealisasikan penerbitan ini. Ia merupakan usaha SPN untuk berkongsi maklumat, prestasi dan pencapaian sepanjang Tahun 2019.

Sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap, menaikkan pangkat dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota perkhidmatan awam Negeri mengikut peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, SPN Selangor telah melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi dan berintegriti di samping melakukan beberapa pembaharuan dan penambahbaikan. Antara pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh SPN seiring dengan fungsi terasnya ialah :

i. Pembangunan Sistem Permohonan Jawatan Kosong Atas Talian (eSPNS)

Melalui eSPNS, permohonan jawatan kosong kini tidak lagi menggunakan borang manual. Permohonan perlu dibuat melalui atas talian (Online) dan semua maklumat dimuatnaik (Upload) di dalam sistem eSPNS.

ii. Pembangunan Sistem Nombor Giliran Menggunakan Kad Pengenalan Semasa Sesi Temuduga (QMS)

Melalui Sistem QMS, setiap calon temuduga perlu mengemukakan kad pengenalan untuk mendapatkan nombor giliran. Kad pengenalan berkenaan akan disambungkan kepada sistem eSPNS. Dengan penggunaan sistem ini, resume calon temuduga dipaparkan secara atas talian yang akan memudahkan semakan panel temuduga serta mengurangkan penggunaan kertas (Paperless).

Harapan kami agar sistem ini dapat melancarkan lagi sistem penyampaian dalam perkhidmatan awam Negeri Selangor khususnya dalam aspek pengurusan sumber manusia.

Sekian, terima kasih.



Zulkifli Bin Osman A.I.S.
Setiausaha





PENGENALAN

VISI

**MENDAPATKAN SUMBER TENAGA MANUSIA YANG
BERKEBOLEHAN DAN KOMPETEN UNTUK BERKHIDMAT
SELARAS DENGAN CABARAN MASA DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI**

MISI

**MEMBANTU KERAJAAN NEGERI DALAM MEWUJUDKAN
PERKHIDMATAN AWAM YANG BERMUTU TINGGI**

OBJEKTIF

**MEMBERI PERKHIDMATAN YANG BERMUTU TINGGI,
TELUS DAN BERKESAN DALAM MEMENUHI KEHENDAK
“STAKEHOLDER” DAN PERKHIDMATAN AWAM**

Pengenalan Penubuhan dan Tanggungjawab

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN Selangor) ditubuhkan pada tahun 1960 mengikut Bab 10 Fasal 97(9) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Tanggungjawab Suruhanjaya, seperti mana diperuntukan di bawah Bab 10 Fasal XCII(9) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 adalah seperti berikut :

"Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang sedia ada dan kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, maka adalah menjadi kewajipan Suruhanjaya untuk melantik, mengesahkan dan memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya."

Sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa untuk menimbang dan memutuskan kes pelanggaran tatatertib dengan tujuan dikenakan hukuman turun pangkat atau buang kerja. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya boleh menjatuhkan hukuman yang lebih ringan selain daripada turun pangkat atau buang kerja.

Sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa untuk menimbang dan memutuskan kes rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib di peringkat Daerah dan Jabatan Negeri di mana keputusan yang dibuat adalah muktamad.

Piagam Pelanggan**01**

Mengemukakan calon lantikan kepada kerajaan Negeri Selangor dalam tempoh 4 minggu dari tarikh surat tawaran lantikan.

02

Mengeluarkan surat Pelarasan Penetapan Gaji Permulaan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima.

03

Mengeluarkan keputusan pengesahan dalam perkhidmatan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima.

04

Mengeluarkan keputusan pemberian taraf berpencen dalam tempoh 4 minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima.

05

Mengeluarkan surat kelulusan pelanjutan tempoh percubaan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga.

06

Mengeluarkan keputusan urusan kenaikan pangkat dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga.

07

Mengeluarkan keputusan pertukaran pelantikan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga.

08

Mengeluarkan surat keputusan tindakan tatatertib dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Lembaga Tatatertib.

09

Mengeluarkan surat keputusan rayuan tatatertib dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib.

10

Mengeluarkan surat keputusan penamatan perkhidmatan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga.

11

Mengeluarkan keputusan pertukaran pelantikan melalui opsyen dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga.

12

Mencapai kepuasan pelanggan 85% dalam penilaian kepuasan pelanggan tahunan.





KEANGGOTAAN SURUHANJAYA



Y.A.D. Dato' Haji Emran Bin Haji Kadir
D.S.S.A., S.S.A., A.M.N.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR



YBhg. Datuk Seri Ab Hakim Bin Borhan
S.M.W., D.S.I.S., S.S.A., A.M.N., A.M.S., P.P.T



YBhg. Dato' Haji Asmawi Bin Kasbi
D.S.I.S., S.M.S.



YBhg. Dato' Haji Zulkepli Bin Ahmad
D.P.M.S., S.M.S., A.S.A., P.P.T



YBhg. Dato' Haji Mohamad Roslan Bin Sakiman
D.P.M.S., A.M.S., P.J.K.



YBhg. Dato' Haji Kamarulzaman Bin Jamil
D.P.M.S., S.I.S., A.I.S., P.P.T.



YBhg. Dato' Haji Mohd Misri Bin Haji Idris
D.P.M.S., S.M.S., A.M.N., A.M.S., P.P.T.



YBhg. Puan Zabidah Binti Awang
S.I.S., A.M.S.



YBhg. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar
A.M.S., P.P.T.



YBhg. Tuan Zailani Bin Kadir
S.I.S., A.M.S., P.P.T.

AHLI LEMBAGA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

**Y. A. D. DATO' HAJI EMRAN
BIN HAJI KADIR**

Pengerusi

**YBHG. DATUK SERI AB HAKIM
BIN BORHAN**

Timbalan Pengerusi

AHLI LEMBAGA

**YBHG. DATO' HAJI ASMAWI
BIN KASBI**

**YBHG. DATO' HAJI MOHD MISRI
BIN HAJI IDRIS**

**YBHG. DATO' HAJI ZULKEPLI
BIN AHMAD**

**YBHG. PUAN ZABIDAH
BINTI AWANG**

**YBHG. DATO' HAJI MOHAMAD
ROSLAN BIN SAKIMAN**

**YBHG. TUAN HAJI MOHD
BASORI BIN UMAR**

**YBHG. DATO' HAJI
KAMARULZAMAN BIN JAMIL**

**YBHG. TUAN ZAILANI
BIN KADIR**



AHLI LEMBAGA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR



AHLI LEMBAGA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR



Zulkifli Bin Osman



Nor Hafiza Binti Ishak



Siti Norhayati Binti Mokti



Mohari Bin Misran



Noor Amilina Binti Muhammad Kamal



Wan Nur Syahirah Binti Azhar



Siti Hajar Binti Mohni



Mohamad Azrul Bin Shariff



Suhailah Binti Zakaria



Noor Asyikin Binti Abdul Aziz



Md Sharifuddin Bin A.Rahman



Muhammad Anas Bin Sahid



Ainil Huda Binti Mohd Saleh



Amirul Aiman Bin Rabien



Siti Zulaikhah Binti Abu Samah



Siti Aisah Binti Sukor



Mohd Norsyafiq Bin Mohd Bajuri






ZULKIFLI BIN OSMAN A.I.S.
SETIAUSAHA

PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT
N19/N22
WAN NUR SYAHIRAH
BINTI AZHAR

CARTA ORGANISASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR



BAHAGIAN PERKHIDMATAN



BAHAGIAN PENTADBIRAN







PERKHIDMATAN

Pengambilan

Berikut adalah statistik pengisian jawatan tetap di bawah pentadbiran Negeri Selangor yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya. Iklan kekosongan telah dibuat di tiga (3) akhbar utama iaitu Berita Harian, Sin Chew Jit Poh dan Tamil Nesan.

Suruhanjaya telah menerima 16,624 permohonan bagi 10 jawatan yang diiklankan yang mengisi 138 kekosongan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Pengambilan Bagi Tahun 2019

| | NAMA JAWATAN | JUMLAH PERMOHONAN | JUMLAH CALON BERJAYA |
|---------------|--|-------------------|----------------------|
| 01 | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 | 1,581 | 15 |
| 02 | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29 | 2,335 | 37 |
| 03 | Penolong Juruukur Bahan Gred JA29 | 421 | 6 |
| 04 | Penolong Pegawai Pertanian Gred G29 | 958 | 6 |
| 05 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA19 | 360 | 3 |
| 06 | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 | 4,014 | 35 |
| 07 | Penyelia Asrama Gred N19 | 2,212 | 2 |
| 08 | Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 | 2,233 | 15 |
| 09 | Pembantu Syariah Gred LS19 | 1,451 | 4 |
| 10 | Penghantar Notis Gred N11 | 1,059 | 5 |
| JUMLAH | | 16,624 | 128 |

Pengambilan COS ke Lantikan Tetap

Suruhanjaya telah menjalankan pelaksanaan pengambilan pegawai lantikan kontrak perkhidmatan (Contract of Service) yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun selaras dengan pengumuman Kerajaan Persekutuan dalam pembentangan Belanjawan 2016. Dasar ini berkuatkuasa mulai tarikh 1 Julai 2016. Berikut adalah data pengambilan pegawai perkhidmatan kontrak (COS 15) lantikan tetap tahun 2019 yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya.

Pengambilan Bagi Tahun 2019

| | NAMA JAWATAN | JUMLAH PERMOHONAN | JUMLAH CALON BERJAYA |
|---------------|--|-------------------|----------------------|
| 01 | Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 | 2 | 2 |
| 02 | Penolong Jurutera Gred JA29 | 2 | 2 |
| 03 | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 | 1 | 1 |
| 04 | Penolong Akauntan Gred W29 | 1 | 1 |
| 05 | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 | 1 | 1 |
| 06 | Pembantu Operasi Gred N11 | 1 | 1 |
| 07 | Pembantu Awam Gred H11 | 1 | 1 |
| JUMLAH | | 9 | 9 |

Penamatan

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor telah menerima 6 permohonan kes penamatan seperti berikut :

| NAMA JAWATAN | PERMOHONAN | JUMLAH PERMOHONAN | | DALAM TINDAKAN |
|---|------------|-------------------|----------|----------------|
| | | LULUS | TOLAK | |
| 01 Penolong Jurutera Gred JA29 | 1 | 1 | - | - |
| 02 Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 | 1 | 1 | - | - |
| 03 Pembantu Veterinar Gred G19 | 1 | 1 | - | - |
| 04 Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 | 1 | 1 | - | - |
| 05 Pengawas Hutan Gred G19 | 1 | - | - | 1 |
| 06 Pembantu Awam Gred H11 | 1 | - | - | 1 |
| JUMLAH | 6 | 4 | - | 2 |

Mesyuarat Bahagian Perkhidmatan

Terdapat tiga(3)Mesyuarat Utama yang dijalankan di Bahagian Perkhidmatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

Dalam memastikan Urusan Perkhidmatan di Suruhanjaya ini dilaksanakan secara efektif dan efisien, Suruhanjaya telah menjalankan Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, Mesyuarat Lembaga Tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor pada setiap bulan.

Manakala Mesyuarat Rayuan Tatatertib dijalankan sekiranya terdapat rayuan daripada pegawai yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib.

| NAMA JAWATAN | | JUMLAH |
|---------------------|--|---------------|
| 01 | Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor | 12 |
| 02 | Mesyuarat Lembaga Tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor | 12 |
| 03 | Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor | 7 |

Permohonan Urusan Perkhidmatan

Senarai ringkasan urusan Perkhidmatan bagi Tahun 2019

| NAMA JAWATAN | JUMLAH PERMOHONAN | | | DALAM TINDAKAN | |
|--|-------------------|----------|------------|----------------|-----------|
| | MOHON | TOLAK | SELESAI | <4 | >4 |
| 01 Pengesahan Dalam Perkhidmatan | 245 | 3 | 242 | 222 | 23 |
| 02 Pemberian Taraf Berpencen | 245 | 1 | 244 | 245 | 0 |
| 03 Pelanjutan Tempoh Percubaan | 23 | 0 | 23 | 23 | 0 |
| 04 Penetapan Pelarasian Gaji Permulaan | 23 | 5 | 18 | 23 | 0 |
| 05 Permohonan Kontrak Lepas Bersara | 1 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| JUMLAH | 537 | 9 | 528 | 514 | 23 |

Permohonan Kenaikan Pangkat

Kenaikan pangkat secara hakiki bagi Tahun 2019

| NAMA JAWATAN | BILANGAN | | | |
|--|------------|------------|----------------|------------------|
| | KEKOSONGAN | PERMOHONAN | HADIR TEMUDUGA | BERJAYA TEMUDUGA |
| 01 Penolong Pegawai Pertanian Gred G36 ke Gred G40 | 5 | 6 | 6 | 5 |
| 02 Penolong Pegawai Pertanian Gred G32 ke Gred G36 | 2 | 4 | 4 | 2 |
| 03 Penolong Pegawai Pertanian Gred G29 ke Gred G32 | 14 | 36 | 32 | 14 |
| 04 Pen. Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA36 ke Gred JA38 | 2 | 2 | 2 | 2 |
| 05 Setiausaha Pejabat Gred N29/N30 ke Gred N32 | 2 | 19 | 17 | 2 |
| 06 Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22 ke Gred N26 | 10 | 18 | 15 | 2 |
| JUMLAH | 35 | 85 | 76 | 35 |

Kenaikan pangkat secara Time-Based bagi Tahun 2019

| NAMA JAWATAN | BILANGAN | | | |
|--|------------|-------|-----|-------|
| | PERMOHONAN | LULUS | KIV | TOLAK |
| 01 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG34 ke Gred DG38 | 48 | 48 | 0 | 0 |
| 02 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 ke Gred DG34 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| 03 Penolong Jurutera Gred JA29 ke Gred JA36 | 4 | 3 | 0 | 1 |
| 04 Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19 ke Gred N22 | 6 | 6 | 0 | 0 |
| 05 Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 ke Gred W22 | 37 | 36 | 0 | 1 |
| 06 Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19 ke Gred S22 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| 07 Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 ke Gred N22 | 4 | 3 | 1 | 0 |

| NAMA JAWATAN | BILANGAN | | | |
|--|------------|------------|----------|----------|
| | PERMOHONAN | LULUS | KIV | TOLAK |
| 08 Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 ke Gred S22 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| 09 Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA19 ke Gred JA22 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| 10 Pembantu Syariah Gred LS19 ke Gred LS22 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| 11 Penghantar Notis Gred N3 ke Gred N12 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| 12 Pemandu Kenderaan Gred R3 ke Gred R6 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| 13 Pekerja Awam Gred R1 ke Gred R4 | 5 | 5 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 111 | 108 | 1 | 2 |

Pertukaran Pelantikan

| NAMA JAWATAN | BILANGAN | | | |
|--------------|------------|-------|-----|-------|
| | PERMOHONAN | LULUS | KIV | TOLAK |
| TIADA | | | | |
| JUMLAH | - | - | - | - |

Tatatertib

Laporan kes Tatatertib Tahun 2019

| | KES | BILANGAN KES |
|---------------|------------------------------------|--------------|
| 01 | Tidak Hadir Bertugas Dapat Dikesan | 22 |
| 02 | SPRM | 1 |
| 03 | Jenayah | 6 |
| 04 | Jenayah Syariah (Khalwat) | 1 |
| 05 | Salah Guna Kuasa | 2 |
| 06 | Penipuan | 1 |
| JUMLAH | | 33 |

Laporan Kes Rayuan Tatatertib Tahun 2019

| JABATAN | JAWATAN | KES |
|---|--|------------------------------------|
| 01 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor | Pengawal Keselamatan Gred KP11 | Tidak Hadir Bertugas Dapat Dikesan |
| 02 Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor | Pembantu Operasi Gred N11 | Tidak Hadir Bertugas Dapat Dikesan |
| 03 Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam | Pembantu Penguatkuasa Gred KP22 | Tidak Hadir Bertugas Dapat Dikesan |
| 04 Pejabat Daerah Dan Tanah Klang | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 | Tidak Hadir Bertugas Dapat Dikesan |
| 05 Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 | Tidak Hadir Bertugas Dapat Dikesan |
| 06 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor | Pengawas Hutan Gred G19 | Jenayah |
| 07 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor | Pembantu Veterinar Gred G19 | Tidak Hadir Bertugas Dapat Dikesan |

| JABATAN | JAWATAN | KES |
|---------------------------------|---|------------------------------------|
| 08 Jabatan Agama Islam Selangor | Pembantu Veterinar Gred G19 | Tidak Hadir Bertugas Dapat Dikesan |
| | Pembantu Awam Gred H11 | Jenayah Syariah (Khalwat) |
| | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 | Salah Guna Kuasa |
| | Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S22 | Salah Guna Kuasa |
| | Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 | Tidak Hadir Bertugas Dapat Dikesan |
| | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 | Tidak Hadir Bertugas Dapat Dikesan |
| | Pembantu Am Pejabat Gred N1 | Tidak Hadir Bertugas Dapat Dikesan |





KHIDMAT
PENGURUSAN

Mesyuarat Pengurusan

Bahagian Khidmat Pengurusan telah melaksanakan Mesyuarat Pengurusan sebanyak 12 kali bagi tahun 2019. Seramai 17 orang pegawai dan kakitangan terlibat di dalam mesyuarat tersebut. Mesyuarat tersebut membincangkan mengenai hal-hal pentadbiran, kewangan dan perkhidmatan jabatan.

Pelupusan Rekod

Suruhanjaya telah melupuskan rekod-rekod kewangan dan perakaunan bagi tahun 2010 - 2011 yang merupakan dokumen-dokumen baucar bayaran dan slip gaji menurut Seksyen 25 dan 26, Akta Arkib Negara 2003(Akta 629). Permohonan kelulusan telah dikemukakan kepada Pihak Arkib Negara, Jabatan Akuantan, Jabatan Audit Negara Malaysia dan Perbendaharaan Negeri Selangor. Kebenaran bagi pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan telah diluluskan seperti berikut :

| PELUPUSAN REKOD | | TARIKH |
|-----------------|--|-------------------|
| i | Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor | 9 Ogos 2019 |
| ii | Jabatan Audit Negara Negeri Selangor | 9 Ogos 2019 |
| iii | Arkib Negara Malaysia | 5 September 2019 |
| iv | Perbendaharaan Negeri Selangor | 30 September 2019 |

Kerja-kerja pemusnahan rekod-rekod tersebut telah dilaksanakan dengan kaedah dirincih pada 23 Oktober 2019 di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor. Borang Kewangan Arkib 13/08 Penentusan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor pada 24 Oktober 2019.





KEWANGAN

Laporan Kewangan

Peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada SPN Selangor bagi tahun 2019 adalah sebanyak **RM1,957,514.60**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM1,798,932.56** atau **91.90%** telah dibelanjakan seperti pecahan dalam JADUAL 1.

JADUAL 1

Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019

| PERKARA | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) | PRESTASI (%) |
|---------------|---------------------|----------------------|-----------------|
| 01 B07 | 1,472,089.60 | 1,417,362.56 | 96.28 |
| 02 T03 | 485,425.00 | 381,570.00 | 78.61 |
| JUMLAH | 1,957,514.60 | 1,798,932.56 | 91.90 |




Belanja Mengurus B07

Sebanyak **RM1,472,089.60** telah diperuntukkan di bawah maksud bekalan(B07). Dari jumlah itu sebanyak **RM722,141.29** untuk Emolumen, **RM734,638.31** untuk Perkhidmatan dan Bekalan, **RM15,290.00** untuk Aset dan **RM20.00** untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan sebenar pada tahun 2019 ialah **RM1,417,362.56** atau **96.28%**. Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2019 adalah seperti JADUAL 2.

JADUAL 2

Pecahan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Bekalan (B07)

| PERKARA | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) | PRESTASI (%) |
|---|---------------------|----------------------|-----------------|
| 01 Emolumen (10000) | 722,141.29 | 679,340.61 | 94.07 |
| 02 Perkhidmatan dan Bekalan (20000) | 734,638.31 | 722,741.95 | 98.38 |
| 03 Aset (30000) | 15,290.00 | 15,280.00 | 99.93 |
| 04 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (40000) | 20.00 | 0.00 | 0.00 |
| JUMLAH | 1,472,089.60 | 1,417,362.56 | 96.28 |




Belanja Mengurus T03

Sebanyak **RM485,425.00** telah diperuntukkan di bawah maksud tanggungan (T03). Dari jumlah itu sebanyak **RM394,902.00** untuk Emolumen, **RM23,323.00** untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan **RM67,200.00** untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan sebenar pada tahun 2019 ialah **RM381,570.00** atau **78.61%**. Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2019 adalah seperti JADUAL 3.

JADUAL 3

Pecahan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Tanggungan T03

| PERKARA | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) | PRESTASI (%) |
|---|--------------------|----------------------|-----------------|
| 01 Emolumen (10000) | 394,902.00 | 350,850.00 | 88.84 |
| 02 Perkhidmatan dan Bekalan (20000) | 23,323.00 | 18,720.00 | 80.26 |
| 03 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (40000) | 67,200.00 | 12,000.00 | 17.86 |
| JUMLAH | 485,425.00 | 381,570.00 | 78.61 |



PRESTASI (%)



YEARLY PLANNER

| OCTOBER | NOVEMBER | DECEMBER | SUN | MON | TUE | WED | THR | FRI | SAT | SUN | MON | TUE | WED | THR | FRI |
|---------|----------|----------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|
| 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2 | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3 | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4 | | | | | | | | | | | | | | | |
| 5 | | | | | | | | | | | | | | | |
| 6 | | | | | | | | | | | | | | | |
| 7 | | | 1 | | | | | | | | | | | | |
| 8 | | | 2 | | | | | | | | | | | | |
| 9 | | | 3 | | | | | | | | | | | | |
| 10 | | | 4 | | | | | | | | | | | | |
| 11 | | | 5 | | | | | | | | | | | | |
| 12 | | | 6 | | | | | | | | | | | | |
| 13 | | | 7 | | | | | | | | | | | | |
| 14 | | | 8 | | | | | | | | | | | | |
| 15 | | | 9 | | | | | | | | | | | | |
| 16 | | | 10 | | | | | | | | | | | | |





AKTIVITI TAHUN 2019

Kelab Kebajikan, Sukan Dan Rekreasi

Kelab Kebajikan, Sukan Dan Rekreasi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

Kelab ini telah ditubuhkan bertujuan untuk menjaga kebajikan dan menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan, sukan dan rekreasi untuk warga SPN. Kelab ini dipengerusikan oleh Setiausaha SPN Selangor dan dianggotai oleh warga SPN. Sumber kewangan kelab diperolehi melalui kutipan yuran bulanan daripada Ahli, sumbangan dari Kelab Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pejabat Menteri Besar Selangor.

Berikut adalah kadar sumbangan Kelab kepada Ahli yang telah dipersetujui seperti berikut:

| PERKARA | JUMLAH |
|---|-----------|
| 01 Perkahwinan (Perkahwinan pertama sahaja) | RM 100.00 |
| 02 Kelahiran (Anak) | RM 100.00 |
| 03 Kematian Ahli, Ibu/Bapa, Suami/Isteri dan Anak | RM 100.00 |
| 04 Rawatan sekurang-kurangnya satu(1) malam di wad hospital kerajaan/swasta | RM 100.00 |
| 05 Pertukaran ke luar jabatan | RM 150.00 |
| 06 Menunaikan Fardhu Haji/Umrah | RM 100.00 |
| 07 Sambutan Hari Lahir | RM50.00 |
| 08 Sumbangan Hari Raya | RM150.00 |

Aktiviti-aktiviti kelab sepanjang tahun 2019

| AKTIVITI | TARIKH |
|---|------------------------------------|
| 01 Majlis Sambutan Hari Lahir Pegawai SPN Selangor | 4 Bulan Sekali |
| 02 Menziarahi Ahli Kelab Yang Sakit | 21 Februari 2019 |
| 03 Sumbangan Baju Raya, Kuih Raya Dan Duit Raya Kepada Ahli Kelab | 24 Mei 2019 |
| 04 Menziarahi ahli kelab yang kehilangan keluarga | 9 Julai 2019 |
| 05 Menziarahi Ahli Keluarga Pegawai Menunaikan Ibadah Haji/Umrah | 12 Julai 2019 |
| 06 Majlis Pertukaran Kakitangan ke luar jabatan | 19 Ogos 2019 |
| 07 Sumbangan Kepada 2 Orang Ahli Kelab Yang Berkahwin | 29 Mac 2019 & 29 September 2019 |
| 08 Sumbangan Kepada 3 Orang Ahli Kelab Yang Mendapat Cahayamata | 1 Oktober 2019 |

Program Jabatan Tahun 2019

Aktiviti-Aktiviti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Sepanjang Tahun 2019

| | AKTIVITI | TARIKH |
|----|--|------------------|
| 01 | Lembaga Pemeriksaan Tahunan 2019 Oleh Perbendaharaan Negeri Selangor | 2 Jan 2019 |
| 02 | Temuduga Kenaikan Pangkat Hakiki Pen. Peg. Pertanian G36 Ke G40, Pen. Peg. Pertanian G32 Ke G36 Dan Pemb. Tadbir (P/O) N22 Ke N26 | 15 - 16 Jan 2019 |
| 03 | Majlis Angkat Sumpah Jawatan Ahli Lembaga SPN Selangor Sesi 2018 - 2020 | 30 Jan 2019 |
| 04 | Bengkel Pencapaian SKT 2018 Dan Perancangan SKT 2019 | 8-10 Feb 2019 |
| 05 | Temuduga Kenaikan Pangkat Hakiki Setiausaha Pejabat N29/30 Ke N32 | 13-14 Mac 2019 |
| 06 | Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pada Tahun 2018 | 15 Apr 2019 |
| 07 | Kunjungan Hormat Ahli Lembaga SPN Selangor Ke Atas Dato' Menteri Besar Selangor | 18 Apr 2019 |
| 08 | Lawatan SPN Selangor Ke SPA Malaysia | 19 Apr 2019 |
| 09 | Temuduga Pengambilan Perkhidmatan Kontrak (COS) Ke Lantikan Tetap Peg. Hal Ehwal Islam S41, Pen. Peg. Hal Ehwal Islam S29, Pen. Jurutera JA29, Pen. Akauntan W29, Pemb. Tadbir (P/O) N19, Pemb. Operasi N11 dan Pemb. Awam H11 | 25 Apr 2019 |

| | AKTIVITI | TARIKH |
|----|--|------------------|
| 10 | Bengkel Kawalan Ketidakpatuhan , Tindakan Pembetulan Dan Penambahbaikan Berterusan MS ISO 9001:2015 Di Bilik Mesyuarat SPN | 2-3 Mei 2019 |
| 11 | Temuduga Pengambilan Pen. Juruukur Bahan JA29 Dan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) JA19 | 21 - 23 Mei 2019 |
| 12 | Temuduga Pengambilan Pen. Peg. Pertanian G29 Dan Penghantar Notis N11 | 8-11 Jun 2019 |
| 13 | Bengkel Pengurusan Penilaian Risiko MS ISO 9001:2015 Di SACC Shah Alam | 19-20 Jun 2019 |
| 14 | Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri SPN Selangor Tahun 2019 | 25 Jun 2019 |
| 15 | Temuduga Kenaikan Pangkat Hakiki Pen. Peg. Perancang Bandar Dan Desa JA36 Ke JA38 | 16 Julai 2019 |
| 16 | Temuduga Pengambilan Pemb. Syariah LS19 Dan Pemb. Tadbir (Kew) W19 | 23-25 Julai 2019 |
| 17 | Temuduga Pengambilan Pemb. Tadbir (P/O) N19 | 14-21 Ogos 2019 |

| | AKTIVITI | TARIKH |
|----|--|-----------------|
| 18 | Majlis Perpisahan Mantan Setiausaha SPN Selangor En.Rosly Bin Ahmad Di SACC Shah Alam | 26 Ogos 2019 |
| 19 | Sesi Perkongsian Ilmu Oleh Majlis Kanser Nasional (MAKNA) Di Bilik Mesyuarat SPN | 23 Ogos 2019 |
| 20 | Taklimat Pengenalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Di SACC Shah Alam | 26 Ogos 2019 |
| 21 | Temuduga Pengambilan Peg. Perkhidmatan Pendidikan DG41 | 3-10 Sept 2019 |
| 22 | Temuduga Pengambilan Penyelia Asrama N19 | 17-20 Sept 2019 |
| 23 | Temuduga Kenaikan Pangkat Hakiki Pen. Peg. Pertanian G29 Ke G32 | 17-20 Sept 2019 |
| 24 | Kursus Pemantapan Audit Dalam MS ISO 9001:2015 Di Bilik Mesyuarat SPN | 26-27 Sept 2019 |

| | AKTIVITI | TARIKH |
|----|--|---------------|
| 25 | Audit Pra Pematuhan Persijilan Semula MS ISO 9001:2015 | 7-8 Okt 2019 |
| 26 | Temuduga Pengambilan Peg. Perkhidmatan Pendidikan DG29 | 7-11 Okt 2019 |
| 27 | Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dan Penyemakan Semula Objektif Kualiti SPN Selangor Di Eastin Hotel, Petaling Jaya | 1-3 Nov 2019 |
| 28 | Kunjungan Hormat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor | 2 Dis 2019 |
| 29 | Lawatan SPN Selangor Dan SPA Sabah Ke Istana Alam Shah, Klang | 2 Dis 2019 |
| 30 | Audit Persijilan Semula MS ISO 9001:2015 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Di Bilik Mesyuarat SPN | 9 Dis 2019 |
| 31 | Majlis Perpisahan Pegawai SPN Selangor Pn Nur Shahirah Binti Zulkifli Dan Cik Wan Nur Syafiqah Binti Azhar | 23 Dis 2019 |

Gambar-Gambar Aktiviti

Majlis Angkat Sumpah Jawatan Ahli Lembaga SPN Selangor



Lawatan SPN Selangor Ke SPA Malaysia



Bengkel Kawalan Ketidakpatuhan MS ISO 9001:2015




Bengkel Pengurusan Penilaian Risiko MS ISO



Majlis Sambutan Hari Raya

Sesi Perkongsian Ilmu Oleh Majlis Kanser Nasional (MAKNA)



Majlis Perpisahan Mantan Setiausaha SPN Selangor

Kursus Pemantapan Audit



Kunjungan Hormat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Ke SPN Selangor


Lawatan SPN Selangor Dan SPA Sabah Ke Istana Alam Shah, Klang



Audit Persijilan Semula MS ISO 9001:2015 SPN Selangor Di Bilik Mesyuarat SPN

Majlis Perpisahan Pegawai SPN Selangor







PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN









SIJIL



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR
TINGKAT 1, BANGUNAN DARUL EHSAN
NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

ISO 9001:2015

QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements

Skop Pensijilan

**PENGURUSAN SUMBER MANUSIA MERANGKUMI URUSAN PELANTIKAN,
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN, PEMBERIAN TARAF BERPENCEN,
KENAIKAN PANGKAT, TINDAKAN TATATERTIB DAN PENAMATAN
PERKHIDMATAN BAGI ANGGOTA KERJA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI.**

| | |
|------------------------|--------------------|
| Tarikh dikeluarkan | : 15 Januari 2020 |
| Tarikh asal pensijilan | : 20 Disember 2013 |
| Tarikh luput | : 19 Disember 2022 |
| No. pensijilan | : QMS 02663 |

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

(No. Syarikat 410334-X)

1, Persiaran Dato Menteri

Seksyen 2, Peri Surat 7035

40700 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

MALAYSIA

Tel : 60-3-5544 6404

Faks : 60-3-5544 6787

<http://www.sirim-qas.com.my>

<http://www.malaysiancertified.com.my>

Mohd Azanuddin Salleh
 Ketua Pegawai Eksekutif
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Pengangugeran sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat ternyata dalam Perjanjian Pensijilan





PENGHARGAAN

Penghargaan

Suruhanjaya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama semua pihak dalam membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsinya sepanjang tahun 2019. Rakaman penghargaan ini ditujukan khusus kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, dan jabatan-jabatan peringkat negeri yang bekerjasama erat dalam urusan perkhidmatan dan tatatertib penjawat awam lantikan negeri.

Suruhanjaya juga mengucapkan terima kasih kepada urusetia Suruhanjaya di atas komitmen dan kesungguhan dalam memastikan integriti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dengan mengamalkan tadbir urus cekap di bawah Sistem MS ISO 9001:2015, Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan Penarafan Lima (5) Bintang HRMIS oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Kerjasama dan keperihatinan Kerajaan Negeri Selangor juga menjadi dorongan kuat kepada Suruhanjaya untuk terus menggandakan usaha dan iltizam dalam menjalankan fungsi Suruhanjaya secara telus dan adil. Disamping itu, Suruhanjaya berharap wujud kerjasama erat antara Suruhanjaya-suruhanjaya Negeri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia bagi melicinkan lagi urusan perkhidmatan penjawat awam ke arah melahirkan penjawat awam yang unggul.

Sekian, terima kasih.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR
TINGKAT 1, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO.3 JALAN INDAH, SEKSYEN 14.
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

-  03-5510 1611 / 1711
-  03-5510 1261
-  spnadmin@selangor.gov.my
-  <http://spn.selangor.gov.my>